

## NEWS CLIPPING

EVENT	FullAMark Kini di Kedai Serbaneka
PUBLICATION	Harian Metro
PAGE/SECTION	-
DATE	12 March 2017
TIME	-



### ■ Wayang kulit digital beri nafas baru persembahan tradisional

Hasbullah Azhar  
am@hmetro.com.my

Melaka

**W**ayang kulit digital menjadi tarikan utama penonton persembahan Wayang Kulit dan Dikir Barat di Panggung Bangsawan, di sini, kelmarin.

Ketua Pengarah Istana Budaya Datuk Mohamed Juhari Shaarani berkata, wayang kulit digital di-

anggap unik kerana penonton boleh menyaksikan secara langsung Tok Dalang bercerita dan apa berlaku disebalik tabir termasuk gelagat kumpulan pemuzik mengiringi persembahan.

Beliau berkata, wayang kulit digital bukan sahaja dianggap memberi nafas baru malah memodenkan lagi persembahan tradisional itu, sekali gus menarik minat lebih ramai penonton.

"Program kali ini mem-

babitkan dua segmen iaitu wayang kulit digital dan dikir barat muzikal mengisahkan pertarungan antara Hang Tuah dan Hang Jebat.

"Kedua-dua persembahan ini dianggap yang pertama di Malaysia, malah tidak pernah dipertontonkan di Istana Budaya," katanya.

Hadir menyaksikan persembahan itu Yang di-Perua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob dan Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron.

Juhari berkata, wayang

kulit digital dipersembahkan Kumpulan Sri Campuran Kampung Pasir Parit, Chekok, Pasir Mas, Kelantan bersama Tok Dalang Pok Cu@Eyo Hock Seng.

"Persembahan dikir barat pula membabitkan kumpulan gabungan Istana Budaya serta Melaka dengan pelakon dan pelawak Sabri Yunus sebagai tukang karut.

"Persembahan dikir barat juga unik kerana sebelum ini belum pernah digabungkan dengan unsur teater dan muzikal," katanya.

## FullAMark kini di kedai serbaneka



**Kuala Lumpur:** Portal pendidikan interaktif dan mudah alih iaitu FullAMark kini boleh didapati di kedai serbaneka 7-Eleven seluruh negara menerusi MOLEloads.

The New Straits Times Press (Malaysia) (NSTP) dalam satu kenyataan semalam berkata, FullAMark program pembelajaran dalam talian bertujuan memperkukuhkan lagi komitmen pelajar dalam menghadapi peperiksaan.

FullAMark kini boleh didapati di 7-Eleven seluruh negara hasil kerjasama antara NSTP, 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd dan MOE AccessPortal Sdn Bhd.

Pengurus Besar Bahagian

Jualan dan Pengedaran NSTP Samusi Abdul Yusoff berkata, kerjasama itu membolehkan lebih ramai pengguna melanggan secara terus di 7-Eleven melalui MOLEloads.

"Pelanggan baru perlu membeli kod langganan manakala pengguna lama juga boleh membeli kod baru istian semula.

"Sebaik memiliki kod berkenaan, mereka hanya perlu melayari laman sesawang [www.fullamark.com.my](http://www.fullamark.com.my) untuk mendaftar dan memasukkan kod langganan pada kolom kod promosi," katanya.

Samusi berkata, FullAMark bukan saja mempun-

ya pelbagai kandungan paling komprehensif untuk peperiksaan namun boleh diakses menerusi pelbagai peranti antaranya, telefon pintar, tablet, komputer riba dan juga komputer.

"Portal berkenaan menawarkan subjek utama seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik untuk murid Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan calon Pentaksiran Tahap 3 (PT3) manakala subjek ditawarkan untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah," katanya.

Pelajar boleh akses latihan baru FullAMark setiap minggu dan ia disediakan berdasarkan silibus serta penilaian terkini yang ditetapkan Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Selain itu, sebahagian daripada kempen promosi untuk pelanggan setia 7-Eleven, FullAMark turut menawarkan 2,000 e-tiket percuma ke Taman Tema Air Gambang dan Taman Safari untuk 1,000 pelanggan pertama.

"Cik itu, individu yang membeli tiket pakej tiga bulan berharga RM35 layak mendapatkan dua tiket (seorang dewasa dan seorang kanak-kanak) bernilai RM100.

"E-Tiket dihantar itu menerusi e-mel sebaik pelanggan mengaktifkan kod pembelian itu," katanya.

**FAKTA**  
Sebanyak 2,000 e-tiket percuma ke Taman Tema Air Gambang dan Taman Safari ditawarkan untuk 1,000 pelanggan pertama